

## **Sistem Tadbir Urus Syariah dalam Institusi Kewangan Islam**

MASYARAKAT awam umumnya mengenali sistem kewangan Islam melalui perbankan Islam yang menawarkan produk dan perkhidmatan yang dilabel sebagai patuh syariah.

Namun tidak semua tahu bahawa untuk sesebuah institusi kewangan Islam menawarkan produk dan perkhidmatan yang patuh syariah, institusi itu memerlukan sistem tadbir urus syariah yang mantap dan menyeluruh.

Tadbir urus syariah dalam satu-satu institusi kewangan Islam ini merupakan teras yang membezakan operasi perbankan Islam jika dibandingkan dengan perbankan konvensional.

Melalui tadbir urus syariah, institusi kewangan Islam boleh memastikan seluruh operasi perniagaannya mematuhi prinsip syariah.

Tadbir urus syariah ini merangkumi kerangka kerja, polisi dan manual operasi serta perlaksanaan kepada tuntutan rangka kerja serta polisi-polisi tersebut.

Rangka kerja ini merujuk kepada satu sistem penyusunan organisasi bagi sesebuah institusi kewangan Islam yang melibatkan keberkesanan pengawasan, tanggungjawab dan akauntabiliti lembaga pengarah, pihak pengurusan serta jawatankuasa penasihat syariah.

Ia bermatlamat untuk memastikan persekitaran operasi perniagaan adalah sentiasa selari dan menepati kehendak syariah.

Rangka kerja ini bertujuan untuk mengukuhkan tadbir urus bagi institusi-institusi kewangan Islam di bawah kawal seliaan Bank Negara Malaysia (BNM) khususnya dalam memastikan aspek pematuhan Syariah sentiasa menjadi keutamaan.

Ahli lembaga pengarah dalam institusi kewangan Islam bertanggungjawab terhadap pengawasan syariah yang menyeluruh dan pelaksanaan struktur, polisi dan proses tadbir urus syariah yang berkesan.

Kewujudan pihak jawatankuasa syariah pula bertanggungjawab melaksanakan keputusan syariah mencakupi keseluruhan operasi institusi kewangan Islam dan mempunyai kedudukan dan akses yang terus kepada lembaga pengarah.

### **Unit syariah**

Rangka kerja ini juga menggariskan keperluan untuk setiap bank Islam mewujudkan sekurang-kurangnya empat unit syariah yang berfungsi membantu Jawatankuasa Syariah dan pihak pengurusan perbankan Islam dan pihak BNM mensyaratkan hanya pegawai yang berkelayakan dalam bidang syariah bagi melaksanakan fungsi tersebut.

Seseorang yang dianggap berkelayakan hendaklah mempunyai asas ilmu Usul al Fiqh dan Fiqh al Muamalat di peringkat pengajian sarjana muda.

Kesimpulannya, rangka kerja tadbir urus syariah yang diamalkan oleh institusi kewangan Islam di Malaysia diiktiraf antara yang terbaik dan paling komprehensif di dunia.

Tanggungjawab dan akauntabiliti untuk memastikan operasi dan aktiviti institusi kewangan Islam mematuhi kehendak syarak bukan hanya terletak kepada Jawatankuasa Penasihat Syariah

semata-mata, sebaliknya kepada semua pihak termasuklah pihak pengurusan tertinggi dalam institusi tersebut.

Tanggungjawab dan akauntabiliti untuk memastikan pematuhan syariah dikukuhkan dengan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 yang merupakan satu lagi langkah ke depan yang diambil BNM dalam memastikan industri kewangan Islam benar-benar kukuh dan cermat dengan aspek pematuhan syariah sebagai teras utama.

#### Artikel

Penuh: [http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2014&dt=0410&pub=Kosmo&sec=Rencana\\_Utama&pg=ru\\_04.htm#ixzz3OZWEICmH](http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2014&dt=0410&pub=Kosmo&sec=Rencana_Utama&pg=ru_04.htm#ixzz3OZWEICmH)

Hakcipta terpelihara